



IPOH CITY VETERAN

9A-SIDE FOOTBALL CARNIVAL 2024

TARIKH : 24 MEI HINGGA 26 MEI 2024

YURAN : RM700.00

**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:
JABATAN PENGURUSAN FASILITI,
MAJLIS BANDARAYA IPOH**

NO. TALIAN 05-2494963 / 05-2494964 (MARIZAH/MIZA)

Ipooh City Veteran 9A-Side Football Carnival 2024

Majlis Bandaraya Ipoh akan menganjurkan Karnival Bola sepak Veteran 9 Sebelah bagi kali yang ke-10 pada 24 Mei 2024 – 26 Mei 2024 (Jumaat hingga Ahad) di Padang Ipoh, Taman D.R dan Stadium Perak di Bandaraya Ipoh.

Tempoh

Karnival ini akan berlangsung selama 3 hari bermula pada 24 Mei 2024 – 26 Mei 2023 (Jumaat – Ahad).

Peraturan

Pertandingan ini akan berlangsung berpandukan kepada undang-undang yang dikeluarkan oleh Persatuan Bola sepak Antarabangsa (FIFA) dan peraturan yang terdapat dalam buku ini.

Insuran

Pasukan-pasukan yang bertanding perlu memastikan bahawa perlindungan insurans bagi semua kecederaan dan sebagainya adalah menjadi tanggungjawab peserta. Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kehilangan ataupun kerosakan yang dihadapi peserta selama karnival ini berlangsung. Sehubungan dengan ini, pengurus-pengurus pasukan dikehendaki menandatangani Borang Melepas Tanggungjawab yang akan diberikan sebelum pertandingan bermula. Borang ini hendaklah diserahkan kepada pihak Urusetia karnival sebelum perlawanan pertama dijalankan.

Majlis Taklimat

Satu majlis taklimat yang perlu dihadiri oleh pengurus dan ketua pasukan sahaja ataupun dua orang wakil yang sah dari pasukan yang bertanding akan diadakan pada **23 Mei 2024 (Khamis) pada pukul 8.30 malam di Stadium Perak.**

PERATURAN-PERATURAN

1. Undang-Undang & Peraturan

Karnival ini dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh dan akan dijalankan berpandukan kepada undang-undang FIFA dan peraturan yang terdapat dalam buku ini dimana peraturan 'offside' akan dilaksanakan sepanjang karnival ini.

2. Penyertaan

Pertandingan ini terbuka kepada semua pasukan di Malaysia. Penyertaan hanya terhad kepada 32 pasukan yang berdaftar awal dan membuat bayaran penuh sahaja(**first come first serve basis**).

3. Yuran

Yuran penyertaan pertandingan ini adalah **RM700.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Sahaja)** bagi setiap pasukan. Bayaran ini hendaklah dijelaskan samada dalam bentuk tunai, wang pos atas nama “**Program Bandaraya Ipoh**” ataupun **didepositkan ke dalam akaun “Kelab Sukan Dewan Bandaraya Ipoh” – No akaun : MBB – 5583 1442 5352**. **Penyertaan dengan bayaran penuh hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada 16 Mei 2024 (Khamis) jam 5.00 Petang.** Dengan penerimaan bayaran ini, semua pasukan dianggap telah memahami dan bersetuju untuk mematuhi peraturan-peraturan pertandingan ini sepenuhnya.

4. Perlawanan dan Undian

Semua perlawanan akan dijalankan di Padang Ipoh dan Taman DR. Seenivasagam pada 24 Mei hingga 25 Mei 2024. Manakala perlawanan suku akhir hingga ke perlawanan akhir akan diadakan di Stadium Perak pada 26 Mei 2024. Jadual perlawanan akan disediakan dan dipaparkan pada papan tanda di sekitar lokasi tersebut. Undian perlawanan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan. Keputusan undian adalah muktamad.

5. Pasukan

Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftarkan seramai 15 orang pemain. Nama pemain-pemain perlu didaftarkan menggunakan Borang yang ditetapkan dan dikemukakan kepada pihak Urusetia pada majlis taklimat ataupun sebelum perlawanan pertama pasukan tersebut. Tiada penukaran dan tambahan pemain dibenarkan selepas perlawanan pertama dimulakan.

6. Kelayakan Umur

Setiap pasukan perlu mendaftarkan pemain-pemain yang berusia 40 tahun ke atas, iaitu lahir pada atau sebelum tahun 1984. Setiap pemain dikehendaki menunjukkan kad pengenalan masing-masing sebelum setiap perlawanan kepada Jawatankuasa Teknikal Pertandingan. Setiap pasukan wajib menyenaraikan 4 orang pemain berumur di antara 40 tahun hingga 44 tahun iaitu lahir pada 1980 hingga 1984 dan 3 orang pemain berumur di antara 45 tahun hingga 49 tahun iaitu lahir pada 1975 hingga 1979 dan 2 orang pemain berumur 50 tahun ke atas iaitu lahir pada 1974 pada bila-bila masa permainan.

7. Pertukaran Pemain

Pasukan bebas membuat pertukaran pemain pada bila-bila masa sepanjang perlawanan. Tiada had pertukaran pemain dikenakan di sepanjang perlawanan. Pemain yang telah dikeluarkan boleh dimasukkan kembali.

8. Had Pemain

Tiada pemain dibenarkan bermain untuk lebih dari satu pasukan. Sekiranya seorang pemain didapati bermain untuk lebih dari satu pasukan, penyertaan beliau dan pasukan di dalam pertandingan ini akan dibatalkan dengan serta-merta. Sekiranya sesebuah pasukan itu didapati menurunkan pemain yang tidak didaftarkan, setiap perlawanan yang membabitkan pasukan berkenaan akan dibatalkan dan pasukan lawan akan dianggap menang dengan **3 mata serta jaringan 3 – 0.**

9. Format Pertandingan

Pasukan-pasukan akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan bergantung kepada bilangan penyertaan. Pertandingan bola sepak ini akan dilangsungkan berdasarkan format berikut : **Pusingan awal akan dijalankan secara LIGA manakala pusingan seterusnya akan dijalankan secara KALAH-SINGKIR.**

10. Pemberian Mata dan Penentuan Kemenangan

I. Setiap pasukan yang bertanding akan diberi mata berdasarkan format berikut :-

- Menang - 3 mata
- Seri - 1 mata
- Kalah - 0 mata

II. Sekiranya setelah semua Perlawanan Liga selesai, dua (2) pasukan atau lebih didapati memperolehi jumlah mata yang sama, maka susunan penentuan berikut akan diambil kira untuk menentukan pemenang :

- Kaedah nisbah perbezaan Gol iaitu pasukan yang mempunyai perbezaan antara jaringan Gol ‘masuk’ dengan jaringan Gol ‘kena’ akan menduduki tempat yang lebih tinggi;
- Jika masih sama, maka pasukan yang telah menjaringkan bilangan Gol yang paling banyak akan dikira sebagai pemenang;
- Jika masih sama, maka pasukan yang mengalahkan lawannya dalam pusingan awal akan dikira sebagai pemenang;
- Jika masih sama, maka pasukan yang bolos gol sedikit akan dikira sebagai pemenang;
- Jika keputusan perlawanan awal di antara mereka seri maka Jawatankuasa Teknikal akan menentukan keputusan dengan tendangan Penalti atau cara lain yang difikirkan sesuai bagi menentukan pemenang; dan
- Jika masih tiada keputusan, Jawatankuasa Teknikal akan menentukan pemenang melalui ‘Toss Coin’ sekali sahaja.

11. Masa

Penjagaan masa untuk setiap perlawanan adalah tanggungjawab Pengadil yang mengadili sesuatu perlawanan itu. Setiap perlawanan akan berlangsung selama 10 minit setiap separuh masa dan waktu rehat selama 2 minit. Bagi perlawanan suku akhir hingga ke akhir setiap perlawanan akan berlangsung selama 15 minit setiap separuh masa dan waktu rehat selama 3 minit

12. Perlawanan Akhir

Bagi perlawanan akhir, sekiranya perlawanan masih berkedudukan **SERI** selepas wisel penamat dititiup, tambahan masa selama 3 minit (setiap separuh masa) akan diadakan. Pasukan pertama yang menjaringkan gol dalam tempoh ini akan dianggap pemenang. Sekiranya masih dalam kedudukan seri selepas tempoh ini, penentuan pemenang akan dibuat menerusi sepakitan penalti sebanyak **LIMA kali** bagi satu pasukan. Sekiranya masih seri selepas 5 kali tendangan diambil, keputusan pemenang akan ditentukan secara **Sudden-Death**.

13. **Jadual**

Setiap pasukan yang bertanding dikehendaki mematuhi jadual pertandingan yang disediakan. Pasukan hendaklah bersedia sekurang-kurangnya 10 minit sebelum sesuatu perlawanan itu berlangsung bagi melancarkan perjalanan karnival ini. Jawatankuasa Penganjur ini mempunyai hak untuk mengubah jadual pertandingan yang akan disediakan sekiranya perlu.

14. **Padang**

Jawatankuasa Penganjur mempunyai hak untuk mengubah padang bagi sesuatu perlawanan ini mengikut keperluan semasa.

15. **Tempoh Menunggu**

Pegawai-pegawai pasukan hendaklah memastikan pasukan mereka berada di padang pada waktu yang ditetapkan. Waktu menunggu bagi pasukan yang lewat hanya **LIMA** minit sahaja, selepas tempoh ini pasukan yang telah pun berada di padang dan bersedia untuk bermain akan menerima **kemenangan percuma** dengan **3 mata** dan **jaringan 3 – 0**. Setiap pasukan mesti menurunkan sekurang-kurangnya **7 pemain berdaftar** sebelum sepak mula perlawanan.

16. **Penggantungan Pemain dan Perlawanan**

I. **Kad Kuning** :-

- a. Pemain yang telah mengumpul 2 kad kuning dalam kejohanan ini akan digantung 1 perlawanan;
- b. Selepas penggantungan tersebut, pemain yang telah menerima kad kuning tersebut dan menerima kad kuning berikutnya akan digantung perlawanan berikutnya. Begitu juga seterusnya; dan
- c. Menerima kad kuning ke-2 dalam 1 perlawanan (kad merah) akan digantung 1 perlawanan secara automatik.

II. **Kad Merah** :-

- Menerima 1 kad merah secara terus (perintah keluar) akan digantung 2 perlawanan berikutnya secara automatik.
 - Berkelakuan ganas / bergaduh / tumbuk pemain, pegawai perlawanan dan penonton, meludah pemain akan digantung dari bermain dalam kejohanan ini dan tindakan denda akan dikeluarkan kepada pasukan yang disertai oleh pemain tersebut.
- Hukuman-hukuman yang akan dikenakan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pertandingan dan keputusan adalah muktamad.

17. **Pengadilan**

Semua perlawanan akan diadili oleh Pengadil-pengadil bertauliah yang mana keputusan adalah muktamad. Sebarang rayuan terhadap keputusan tidak akan dilayan.

18. **Jawatankuasa Bantahan**

Semua bantahan berkaitan dengan pertandingan ini hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Bantahan Pertandingan **tidak lewat daripada 30 minit selepas perlawanan berkenaan** dan dibuat **secara bertulis dengan**, menggunakan Borang yang disediakan dan menyertakan **wang tunai sebanyak RM1,000.00 bagi setiap bantahan**. Wang **RM1,000.00 tersebut sebagai wang pengurusan sesi bantahan & tidak akan dikembalikan**. No pemain tidak boleh ditukar setelah digunakan dari perlawanan pertama.

19. **Jersi**

Setiap pasukan hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya dua set jersi warna berbeza (**baju, seluar & stokin**). Semua pemain diingatkan supaya berkelengkapan penuh untuk bermain bola sepak. Sekiranya terdapat persamaan warna jersi, pasukan pelawat perlu menukar jersi mereka. Pasukan tidak dibenarkan bermain tanpa jersi ataupun menggunakan jersi tanpa nombor.

20. **Tambahan**

Semua pertanyaan, pertikaian ataupun bantahan terhadap perkara-perkara yang tidak jelas dan juga terdapat di dalam peraturan ini hendaklah dirujuk terus kepada Jawatankuasa Penganjur dan Teknikal yang mana keputusannya adalah muktamad.

Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, kehilangan ataupun kecederaan yang dihadapi peserta, pegawai ataupun penonton selama karnival ini berlangsung.

21. **Perlawanan yang dihentikan atau ditunda**

Jawatankuasa Penganjur akan membuat keputusan bagi perlawanan yang dihentikan atau ditunda.